

30/4/82

30 APR 1982

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

JUMAAT, 30 APRIL, 1982

## KABINET CEKAP, BERSIH DAN AMANAH

### RENCANA PENGARANG

DARI senarai ahli-ahli Kabinet baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang diumumkannya kelmarin kelihatan jelas bahawa prinsip pemilihan yang diutamakan ialah persambungan dan pengukuhan kepimpinan yang sedia ada. Tiga kekosongan jawatan Menteri — Kementerian Tanah dan Pembangunan Wilayah, Kementerian Penerangan dan Kementerian Buruh dan Tenaga Manusia — telah diisi dengan tiga tokoh yang mempunyai pengalaman pentadbiran yang luas dan kepayaan memimpin yang telah teruji. Datuk Rais Yatim sebelum dilantik Menteri Besar Negeri Sembilan ialah Timbalan Menteri Undang-undang; Encik Adib Adam, sebelum memegang jawatan Ketua Menteri Melaka, ialah setiausaha kerja UMNO; dan Datuk Mak Hon Kam pula, sebelum ini, ialah Timbalan Menteri Kewangan.

Perlantikan tujuh orang Timbalan Menteri baru itu ternyata bertujuan

menambah lagi darah baru dan kepayaan profesional kepada barisan pemimpin utama Kerajaan. Tetapi kekalnya sebahagian besar portfolio Kementerian, termasuk beberapa yang penting seperti kewangan, pelajaran, pertahanan dan luar negeri di tangan tokoh-tokoh lama yang berpengalaman luas itu membuktikan bahawa kerajaan 2M nampaknya lebih mengutamakan soal-soal melaksanakan dasar-dasar yang telah tercipta dari perkara-perkara lain. Perubahan tidak dibuat semata-mata untuk perubahan. Dorongan untuk mengekalkan seberapa mungkin susunan Kabinet sebelumnya itu memang ketara.

Walaupun belum sampai setahun umurnya kesan Kabinet lama itu telah mulai ketara. Bukan sahaja semangat kerja jentera pentadbiran awam telah bertambah baik, malah tempo pelaksanaan program-program Kerajaan juga telah bergerak semakin lancar. Jadi jika

pasukan pemimpin utama ini sudah memperlihatkan kesediaan dan kepayaan untuk menghasilkan sebuah Kerajaan yang cekap dan berkesan, dan rakyat sendiri telah memilih mereka untuk terus membela nasib negara, maka tentulah ini menjadi sebab yang baik untuk mengekalkan seberapa yang dapat struktur kepimpinan yang sedia ada itu.

Tetapi sebagaimana yang ditekankan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ukuran pemilihan dan prestasi mereka seterusnya ialah kepayaan mereka yang terpilih ini menghasilkan sumbangan yang lebih berkesan kepada melahirkan sebuah kerajaan yang betul-betul cekap, bersih dan amanah. Masyarakat sendiri tentulah tidak kurang mengharapkan supaya hanya mereka yang benar-benar jujur dan berupaya meningkatkan kemajuan rakyat dan negara sahaja yang dibenarkan terus memimpin.